

# 36,320 pegawai kaum India dalam sektor awam

U.M 03/07/07 M/S 8  
**KUALA LUMPUR** 2 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sehingga Mei lalu bilangan pegawai berkaum India yang berkhidmat dengan sektor kerajaan adalah seramai 36,320 orang atau 4.18 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan awam sebanyak 868,130 orang.

Menurut Perdana Menteri, setakat ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan jawatankuasa khas bagi memantau pengambilan kakitangan awam kerana pihak berkuasa menjalankan urusan pengambi-

**Calon-calon terbaik akan dipilih melalui kaedah penilaian seperti ujian bertulis dan temu duga**

lan secara adil dan bebas.

Tambahnya, semua warganegara yang layak dan memenuhi syarat boleh memohon jawatan dalam perkhidmatan awam.

Kata Perdana Menteri, kerajaan juga menjalankan usaha berterusan bagi menarik kaum bukan Melayu untuk berkhidmat dengan sektor awam melalui iklan

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

jawatan kosong dalam akhbar Cina dan Tamil selain program Hari Bertemu Pelanggan.

"Calon-calon terbaik akan dipilih melalui kaedah penilaian seperti ujian bertulis dan temu duga," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **S.K.**

**Devamany (BN-Cameron Highlands)** pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Devamany meminta Perdana Menteri menyatakan peratusan terkini masyarakat India dalam perkhidmatan sektor awam dan syarikat milik kerajaan (GLC).

Menurut Perdana Menteri, urusan kenaikan pangkat adalah berasaskan merit dan mereka yang berprestasi tinggi serta memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan boleh dipertimbangkan.

"Perkara ini diuruskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dalam perkhidmatan awam," katanya.